 <b>JABATAN HAL EHWAL PELAJAR UiTM SHAH ALAM</b>	<b>MANUAL KUALITI ISO 9001:2015</b>
<b>Nama Pusat Tanggungjawab : Wakil Pengurusan ISO HEP</b>	
<b>No. Dokumen : MK UiTM:HEP.01</b>	

### 7.5.3 Kawalan terhadap maklumat yang didokumenkan

7.5.3.1 Maklumat yang didokumenkan seperti keperluan SPK dan piawaian antarabangsa hendaklah dikawal bagi memastikan:

- a. Boleh didapati dan sesuai untuk kegunaandi mana sahaja apabila diperlukan.
- b. Dilindungi sebaik mungkin dan secukupnya (contoh: daripada hilang kerahsiaan, salah guna atau ketirisan integriti)

7.5.3.2 Untuk mengawal maklumat yang didokumenkan organisasi hendaklah melakukan aktiviti-aktiviti berikut yang mana berkenaan;

- a. Pengedaran, akses, carian semula dan penggunaan
- b. Penyimpanan dan pemeliharaan termasuk pemeliharaan kebolehbacaan
- c. Kawalan perubahan (Kawalan versi)
- d. Penyimpanan dan pelupusan

HEP hendaklah menentukan maklumat-maklumat yang didokumenkan, yang berasal dari luar perlu dikenalpasti, bersesuaian dan terkawal bagi perancangan dan operasi SPK.

Maklumat yang didokumenkan hendaklah disimpan sebagai bukti pematuhan serta dilindungi daripada apa-apa perubahan yang tidak diingini.

## 8.0 OPERASI

### 8.1 Perancangan Operasi dan Kawalan

HEP hendaklah merancang, melaksana dan mengawal proses (rujuk klausa 4.4) supaya ia menepati keperluan penyediaan semua produk dan perkhidmatan, dan juga bagi melaksanakan tindakan seperti yang ditentukan oleh klausa 6:



**Nama Pusat Tanggungjawab** : Wakil Pengurusan ISO HEP

**No. Dokumen** : MK UiTM:HEP.01

- a. Menentukan keperluan untuk produk dan perkhidmatan
- b. Mewujudkan kriteria bagi:
  - (i) Proses-proses
  - (ii) Kebolehterimaan produk dan perkhidmatan
- c. Menentukan sumber yang diprperlukan untuk mencapai keakuran terhadap keperluan produk dan perkhidmatan:
- d. Melaksanakan kawalan proses agar ianya selari dengan kriteria yang ditetapkan.
- e. Mengenalpasti, menyelenggara dan memperkukuhkan maklumat yang didokumenkan ke tahap:
  - (i) Berkeyakinan bahawa semua proses yang dilaksanakan berjalan seperti yang dirancang.
  - (ii) Menunjukkan bahawa keakuran produk dan perkhidmatan terhadap keperluan dipatuhi.

Nota: Penyimpanan membawa maksud menyimpan dan memelihara maklumat yang didokumenkan.

*Output* ke atas perancangan ini mestilah sesuai dengan operasi organisasi. HEP hendaklah mengawal sebarang perubahan daripada perancangan serta mengkaji kesan-kesannya dari perubahan yang tidak diingini. HEP hendaklah memastikan sumber luar dikawal (lihat 8.4).

## 8.2 Keperluan untuk produk dan perkhidmatan

### 8.2.1 Komunikasi dengan pelanggan

Komunikasi dengan pelanggan hendaklah meliputi:

- a. Menyediakan maklumat yang berkaitan produk dan



**Nama Pusat Tanggungjawab** : Wakil Pengurusan ISO HEP

**No. Dokumen** : MK UiTM:HEP.01

perkhidmatan.

- b. Mengendali pertanyaan, perjanjian atau tempahan termasuk sebarang perubahan.
- c. Mendapatkan maklumbalas dari pelanggan berkaitan dengan produk dan perkhidmatan dan termasuk juga sebarang aduan pelanggan.
- d. Mengendali dan memelihara harta milik pelanggan.
- e. Mengujudkan garis panduan tertentu sebagai perancangan ketika kecemasan sekiranya berkaitan.

#### 8.2.2 Menentukan keperluan produk dan perkhidmatan

Apabila HEP menawarkan produk dan perkhidmatan kepada pelanggannya, maka keperluan-keperluan untuk produk dan perkhidmatan hendaklah ditentukan seperti berikut:

- a. Keperluan terhadap produk dan perkhidmatan perlu di perjelaskan termasuk:
  - i Keperluan peraturan dan perundangan yang berkaitan
  - ii Mana-mana keperluan yang telah ditentukan oleh HEP
- b. HEP mampu memenuhi janji untuk produk dan perkhidmatan yang ditawarkan.

#### 8.2.3 Semakan terhadap keperluan produk dan perkhidmatan

##### 8.2.3.1 HEP hendaklah memastikan bahawa ia

Berkemampuan untuk memenuhi segala keperluan produk dan perkhidmatan yang akan ditawarkan.

HEP juga hendaklah mengadakan semakan terlebih dahulu sebelum memuktamadkan sebarang pembekalan produk dan perkhidmatan kepada pelanggan dan ianya termasuk:



**Nama Pusat Tanggungjawab** : Wakil Pengurusan ISO HEP

**No. Dokumen** : MK UiTM:HEP.01

- a. Kehendak tertetnu oleh pelanggan seperti penghantaran dan khidmatan termasuk aktiviti penghantaran dan selepas penghantaran.
- b. Pelanggan tidak menyatakan kehendak mereka tetapi HEP perlu bersedia dengan perkhidmatan dan produk sebaik sahaja kehendak tersebut dikeyahui.
- c. Keperluan telah ditentukan oleh HEP
- d. Kehendak dan peraturan yang berkaitan dengan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan
- e. Perjanjian atau kehendak pelanggan yang berlainan dari perjanjian asal.

HEP perlu hendaklah memastikan bahawa keperluan kontrak atau pesanan yang berbeza dari yang sebelumnya hendaklah diselesaikan atau diperbetulkan. Jika kontrak atau tempahan yang telah dibuat berbeza dari permintaan yang asal, ianya hendaklah dibatalkan.

Keperluan pelanggan seharusnya dimuktamadkan sebelum di terima terutamanya apabila pelanggan tidak menyediakan kenyataan bercetak berhubung kemahuan mereka.

8.3.2.2 HEP hendaklah menyimpan maklumat yang didokumenkan untuk perkara berikut:

- a. Hasil semakan
- b. Sebarang keperluan baharu untuk produk dan perkhidmatan

8.2.4 Perubahan terhadap keperluan untuk produk dan perkhidmatan Sekiranya pindaan terhadap maklumat yang didokumenkan, HEP hendaklah memastikan individu-individu yang berkaitan maklum tentang perubahan yang berlaku.



**Nama Pusat Tanggungjawab** : Wakil Pengurusan ISO HEP

**No. Dokumen** : MK UiTM:HEP.01

### 8.3 Rekabentuk pembangunan produk dan perkhidmatan

#### 8.3.1 Umum

HEP hendaklah membangun, melaksana dan menyelenggara dan, menyimpan rekabentuk dan proses pembangunan dengan sewajarnya untuk memastikan kelangsungan produk dan perkhidmatan.

#### 8.3.2 Rekabentuk dan perancangan pembangunan

Dalam menentukan peringkat kawalan rekabentuk dan pembangunan, HEP perlu mengambil kira perkara berikut:

- a. Sifat, jangkamasa dan tahap kerumitan aktiviti rekabentuk dan pembangunan.
- b. Peringkat proses yang diperlukan termasuk samada semakan rekabentuk dan pembangunan akan digunapakai
- c. Aktiviti verifikasi dan validasi bagi keperluan rekabentuk dan pembangunan.
- d. Tanggungjawab dan pihak berkuasa terlibat di dalam proses rekabentuk dan pembangunan.
- e. Sumber luaran dan dalaman yang diperlukan untuk rekabentuk dan pembangunan produk dan perkhidmatan
- f. Kawalan yang perlu untuk interaksi di antara individu yang terlibat dalam proses rekabentuk dan pembangunan
- g. Keterlibatan yang diperlukan oleh pelanggan dan pengguna di dalam proses pembangunan dan rekabentuk.
- h. Keperluan untuk kelangsungan product dan perkhidmatan
- i. Tahap kawalan yang sepatutnya untuk rekabentuk dan pembangunan
- j. Maklumat yang didokumenkan diperlukan untuk menunjukkan bahawa keperluan rekabentuk dan pembangunan telah dipenuhi



**Nama Pusat Tanggungjawab** : Wakil Pengurusan ISO HEP

**No. Dokumen** : MK UiTM:HEP.01

### 8.3.3 Rekabentuk dan pembangunan input


HEP hendaklah menentukan keperluan utama untuk jenis-jenis produk dan perkhidmatan yang akan direka dan dibangunkan. HEP hendaklah mengambilkira:

- a. Fungsi dan prestasi keperluan.
- b. Maklumat yang diperolehi daripada aktiviti rekabentuk dan pembangunan yang terdahulu.
- c. Keperluan undang-undang dan peraturan.
- d. Piawaian dan kod etika yang telah HEP setuju untuk laksanakan.
- e. Potensi kegagalan akibat dari sifat produk dan perkhidmatan.
- f. *Input* bagi tujuan rekabentuk dan pembangunan hendaklah mencukupi, lengkap dan jelas.
- g. Semua konflik berkaitan rekabentuk dan pembangunan hendaklah diselesaikan.
- h. HEP mestilah menjaga informasi yang didokumenkan bagi input rekabentuk dan pembangunan

### 8.3.4 Kawalan rekabentuk dan pembangunan

HEP hendaklah mengawal proses-proses rekabentuk dan pembangunan untuk memastikan:

- a. Keputusan yang hendak dicapai boleh ditakrifkan.
- b. Semakan dibuat untuk menilai hasil rekabentuk dan pembangunan bagi memastikan ia menepati keperluan.
- c. Menjalankan aktiviti verifikasi untuk memastikan hasil rekabentuk dan pembangunan menepati keperluan.
- d. Aktiviti validasi dijalankan untuk memastikan bahawa produk dan perkhidmatan yang dihasilkan memenuhi keperluan untuk aplikasi dan keperluan tertentu yang dikehendaki.
- e. Segala tindakan yang perlu diambil ke atas masalah yang dikenalpasti semasa semakan, verifikasi dan validasi dijalankan.

 <p><b>JABATAN HAL EHWAL PELAJAR UiTM SHAH ALAM</b></p>	<p>MANUAL KUALITI ISO 9001:2015</p>
<p><b>Nama Pusat Tanggungjawab</b> : Wakil Pengurusan ISO HEP</p>	
<p><b>No. Dokumen</b> : MK UiTM:HEP.01</p>	

f. Maklumat yang didokumenkan untuk aktiviti ini hendaklah dipelihara.

#### 8.3.5 Reka bentuk dan pembangunan *output*

HEP hendaklah memastikan *output* reka bentuk dan pembangunan:

- a. Memenuhi keperluan input
- b. Ianya hendaklah bersesuaian untuk proses-proses yang terkemudian yang diperuntukkan kepada produk dan perkhidmatan
- c. Memasuki atau merujuk keperluan pemantauan dan pengukuran dengan mengikut kesesuaian dan kriteria penerimaan.
- d. Menyatakan ciri-ciri produk dan perkhidmatan yang utama untuk tujuan yang dimaksudkan, keselamatan dan peruntukkan yang sepatutnya.

HEP hendaklah menyimpan maklumat yang didokumenkan bagi reka bentuk dan pembangunan *output*

#### 8.3.6 Perubahan pada reka bentuk dan pembangunan

HEP hendaklah mengenalpasti, menyemak dan mengawal perubahan yang dibuat semasa atau selepas reka bentuk dan, pembangunan produk dan perkhidmatan dibuat hingga ke tahap yang diperlukan serta memastikan tiada kesan buruk ke atas pematuhan terhadap keperluan.

HEP hendaklah menyimpan maklumat yang didokumenkan ke atas:

- a. Perubahan reka bentuk dan pembangunan
- b. Keputusan semakan
- c. Perubahan bidang kuasa
- d. Tindakan yang diambil bagi mengelakkan kesan buruk.

8.4 Kawalan terhadap proses luaran, produk dan perkhidmatan yang dibekalkan.

##### 8.4.1 Umum





**Nama Pusat Tanggungjawab** : Wakil Pengurusan ISO HEP

**No. Dokumen** : MK UiTM:HEP.01

HEP hendaklah memastikan bahawa proses, produk dan perkhidmatan dari sumber luaran mematuhi keperluan yang ditetapkan.

HEP hendak mengenalpasti kaedah kawalan yang boleh dikenakan ke atas proses, produk dan perkhidmatan apabila:

- a. Produk dan perkhidmatan dari pembekal luar hendak disatukan dengan produk dan perkhidmatan HEP.
- b. Produk dan perkhidmatan oleh pembekal luar yang disalurkan terus kepada pelanggan bagi pihak HEP.
- c. Sesuatu proses atau sebahagian dari proses yang dibekalkan oleh pembekal luar hasil dari keputusan pengurusan HEP.

HEP juga hendaklah menentukan serta menggunakan kriteria tertentu untuk penilaian, pemilihan, pemantauan prestasi dan menilai semula pembekal luar berdasarkan kepada keupayaan mereka untuk menyediakan proses atau produk dan perkhidmatan mengikut keperluan.

HEP hendaklah menyimpan maklumat yang didokumenkan bagi aktiviti-aktiviti ini dan juga apa-apa tindakan yang timbul dari penilaian yang telah dijalankan.

#### 8.4.2 Jenis dan tahap kawalan

HEP hendaklah memastikan bahawa proses, produk dan perkhidmatan dari sumber luaran tidak mengakibatkan kesan yang buruk kepada keupayaan HEP untuk menyampaikan produk dan perkhidmatan yang mematuhi kehendak pelanggan.

HEP hendaklah:

- a. Memastikan HEP bahawa proses, produk dan perkhidmatan dari sumber luaran berada dalam kawalan SPK HEP.



**Nama Pusat Tanggungjawab** : Wakil Pengurusan ISO HEP

**No. Dokumen** : MK UiTM:HEP.01

- b. Memperjelaskan kaedah kawalan yang hendak dibuat dan kepada siapa ia akan kuatkuasakan untuk mendapatkan hasil *output*
- c. Mengambil kira:
  - (i) Potensi impak proses, produk dan perkhidmatan dari sumber luaran terhadap keupayaan organisasi untuk memenuhi kehendak pelanggan secara berterusan serta selari dengan undang-undang dan peraturan yang ada.
  - (ii) Keberkesanan kawalan yang digunakan oleh pembekal luar.
- d. Menentukan verifikasi dan lain-lain aktiviti proses, produk dan perkhidmatan yang dibekal oleh pembekal luar memenuhi keperluan.

#### 8.4.3 Maklumat untuk pembekal luar

HEP hendaklah memastikan keperluan mencukupi sebelum berkomunikasi dengan pembekal luar.

HEP hendaklah berkomunikasi dengan pembekal luar tentang keperluannya untuk:

- a. Proses, produk dan perkhidmatan yang akan dibekalkan
- b. Kelulusan untuk:
  - i. Produk dan perkhidmatan
  - ii. Kaedah, proses dan peralatan
  - iii. Pengeluaran produk dan perkhidmatan
- c. Kompeten termasuk apa-apa kelayakkan individu yang diperlukan
- d. Interaksi pembekal luar dengan HEP
- e. Kawalan dan pemantauan yang akan dilaksanakan oleh HEP terhadap pembekal luar
- f. Aktiviti validasi dan verifikasi yang hendak dilaksanakan oleh HEP atau pelanggannya terhadap premis pembekal luar.

#### 8.5 Persediaan untuk produk dan perkhidmatan



**Nama Pusat Tanggungjawab** : Wakil Pengurusan ISO HEP

**No. Dokumen** : MK UiTM:HEP.01

#### 8.5.1 Persediaan untuk mengawal produk dan perkhidmatan

HEP hendaklah melaksanakan persediaan produk dan perkhidmatan di dalam suasana yang terkawal.

Suasana terkawal hendaklah termasuk, juga boleh digunakan:

- a. Terdapatnya maklumat yang didokumentasikan, yang mentakrifkan:
  - (i) Ciri-ciri produk yang akan dikeluarkan, perkhidmatan yang akan disediakan atau aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan.
  - (ii) Keputusan yang hendak dicapai.
- b. Tersedia dan dapat digunakan untuk pemantauan dan pengukuran sumber.
- c. Pelaksanaan aktiviti pemantauan dan pengukuran pada tahap yang sesuai bagi mengesahkan bahawa kriteria kawalan untuk proses atau *output*, dan penerimaan terhadap kriteria untuk produk dan perkhidmatan telah menepati apa yang diharapkan.
- d. Penggunaan infrastruktur dan persekitaran yang sesuai operasi proses-proses.
- e. Melantik individu yang kompeten serta mempunyai kelayakkan yang dikehendaki.
- f. Validasi dan mevalidasi semula secara berkala keupayaan untuk mencapai keputusan yang dirancang daripada proses.
- g. Pelaksanaan tindakan untuk mencegah kesilapan manusia.
- h. Melaksanakan aktiviti pengeluaran, penghantaran dan pasca penghantaran.

#### 8.5.2 Identifikasi dan kemudahan

HEP hendaklah menggunakan cara yang sesuai untuk mengenalpasti *output* apabila ianya perlu untuk memastikan kecurian produk dan perkhidmatan.



**Nama Pusat Tanggungjawab** : Wakil Pengurusan ISO HEP

**No. Dokumen** : MK UiTM:HEP.01

HEP hendaklah mengenalpasti status *output* dengan bertujuan untuk memantau dan mengukur segala syarat yang ditentukan sepanjang proses menyediakan pengeluaran dan perkhidmatan.

HEP hendaklah mengawal pengenalan unik untuk setiap *output* apabila kemudahan telah menjadi syarat dan mestilah menyimpan maklumat yang didokumentasikan untuk memudahkan capaian.

#### 8.5.3 Harta milik pelanggan atau pembekal luar

HEP hendaklah berhati-hati dengan harta milik pelanggan atau pembekal luar semasa ia berada dibawah kawalan dan penggunaan oleh HEP.

HEP hendaklah mengenalpasti, mengesah, memelihara dan melindungi harta milik pelanggan atau pembekal luar yang digunakan bersama didalam pengeluaran dan perkhidmatan.

Apabila harta milik pelanggan atau pembekal rosak atau didapati tidak sesuai untuk digunakan, HEP hendaklah memaklumkan kepada pelanggan atau pembekal luar dan menyimpan informasi yang didokumenkan berkaitan apa yang terjadi.

Nota: Harta milik pelanggan atau pembekal luar boleh membawwa maksud bahan, komponen, peralatan, kelengkapan, premis, harta intelek dan data peribadi.

#### 8.5.4 Pemeliharaan

HEP hendaklah memelihara *output* semasa persediaan untuk pengeluaran dan perkhidmatan, hingga ke tahap yang perlu bagi memastikan keakuran kepada syarat-syarat yang ditetapkan.



**Nama Pusat Tanggungjawab** : Wakil Pengurusan ISO HEP

**No. Dokumen** : MK UiTM:HEP.01

Nota: Pemeliharaan termasuk pengenalan, pengendalian, kawalan pencemaran, pembungkusan, penyimpanan, penghantaran atau pengangkutan, dan perlindungan.

#### 8.5.5 Aktiviti selepas penghantaran

Pengecualian pelaksanaan (Rujuk 4.3)

#### 8.5.6 Kawalan terhadap perubahan

HEP hendaklah menyemak dan mengawal perubahan penyediaan pengeluaran dan perkhidmatan ke tahap yang bersesuaian untuk memastikan keakuran yang berterusan ke syarat-syarat yang ditetapkan. HEP hendaklah menyimpan maklumat yang didokumenkan bagi menjelaskan perubahan keputusan semakan, individu yang mengesahkan dan tinda-tindakan yang perlu diambil berasaskan dari semakan tersebut.

#### 8.6 Pelepasan produk dan perkhidmatan

HEP hendaklah menyusun perancangan di tahap yang sesuai untuk mengesahkan produk dan perkhidmatan telah mencapai syarat yang ditetapkan.

Pelepasan produk dan perkhidmatan kepada pelanggan tidak boleh dijalankan selagi rancangan yang diatur belum memuaskan, seandainya pihak berkuasa berkaitan mengesahkan seterusnya dapat digunakan oleh pelanggan. HEP hendaklah menyimpan maklumat yang didokumenkan ke atas pelepasan produk dan perkhidmatan ini. Maklumat yang didokumenkan ini mengandungi:

- a. Bukti keakuran dan kriteria penerimaan
- b. Kebolehhesanan individu yang mengesahkan pelepasan.



**Nama Pusat Tanggungjawab** : Wakil Pengurusan ISO HEP

**No. Dokumen** : MK UiTM:HEP.01

## 8.7 Kawalan *output* tidak akur

8.7.1 HEP hendaklah memastikan *output* yang tidak akur kepada syarat yang ditetapkan telah dikenalpasti dan dikawal untuk mengelakkannya dari dihantar atau disalah guna.

HEP hendaklah mengambil langkah yang perlu berdasarkan sifat ketidakakuran tersebut dan kesannya kepada produk dan perkhidmatan yang akur. Perkara ini menjurus kepada produk dan perkhidmatan yang tidak akur yang dikesan apabila penghantaran telah dibuat, semasa atau selepas penyediaan perkhidmatan.

HEP hendaklah menguruskan satu atau lebih *output* yang tidak akur ini dengan cara-cara berikut:

- a. Pembetulan
- b. Mengasing, membendung, memulang atau menggantung penyediaan produk dan perkhidmatan.
- c. Memaklumkan kepada pelanggan
- d. Mendapatkan kebenaran menerima secara kesepakatan.

Keakuran kepada syarat yang ditetapkan hendaklah disahkan apabila *output* yang tidak akur telah diperbetulkan.

8.7.2 HEP hendaklah menyimpan maklumat yang didokumenkan seperti:

- a. Penjelasan ketidakakuran
- b. Penjelasan tindakan yang diambil
- c. Penjelasan sebarang kesepakatan yang dibuat
- d. Mengenalpasti pihak berkuasa yang memutuskan tindakan ketidakakuran.

## 9.0 Penilaian prestasi

9.1 Memantau, mengukur, menganalisis dan menilai



**Nama Pusat Tanggungjawab** : Wakil Pengurusan ISO HEP

**No. Dokumen** : MK UiTM:HEP.01

#### 9.1.1 Umum

HEP hendaklah menentukan:

- a. Apa yang perlu dipantau dan di ukur.
- b. Kaedah yang digunakan untuk memantau, memantau, mengukur, menganalisis dan menilai untuk memastikan keputusan yang sah.
- c. Bilakah pemantauan dan pengukuran perlu dibuat.
- d. Apabila pemantauan dan pengukuran telah dijalankan, ianya hendaklah dinilai.

HEP hendaklah menilai prestasi dan keberkesanan SPK. HEP hendaklah menyimpan maklumat yang didokumenkan sebagai bukti kepada keputusan dapatan.

#### 9.1.2 Kepuasan pelanggan

HEP hendaklah memantau persepsi pelanggan dan di tahap manakah kehendak dan jangkaan mereka boleh dipenuhi. Oleh itu HEP hendaklah menentukan kaedah untuk mendapatkan maklumat, memantau dan menyemak kepuasan.

Nota: Contoh pemantauan persepsi pelanggan boleh dibuat melalui kajiselidik terhadap pelanggan, maklumbalas pelanggan ke atas produk dan perkhidmatan yang diberikan, perbincangan dengan pelanggan, analisis pasaran saham, penghargaan, tuntutan terhadap jaminan dan laporan dari pengedar.

#### 9.1.3 Analisis dan penilaian

HEP hendaklah memantau dan menilai data dan maklumat lengkap yang berbangkit dari pemantauan dan pengukuran.

Keputusan analisis tersebut hendaklah digunakan untuk menilai:

- a. Keakuran produk dan perkhidmatan
- b. Tahap kepuasanhati pelanggan
- c. Prestasi dan keberkesanan SPK



**Nama Pusat Tanggungjawab** : Wakil Pengurusan ISO HEP

**No. Dokumen** : MK UiTM:HEP.01

- d. Adakah perancangan telah dilaksanakan dengan efektif
- e. Keberkesanan langkah-langkah yang diambil untuk mengenalpasti risiko dan peluang
- f. Prestasi pembekal luar
- g. Keperluan untuk penambahbaikan SPK

Nota: Kaedah pengiraan secara statistik boleh digunakan untuk menganalisa data.

## 9.2 Audit dalam

9.2.1 HEP hendaklah mengadakan audit dalam secara terancang untuk mendapatkan maklumat samada SPK:

- a. Akur kepada
  - (i) Syarat-syarat yang ditetapkan oleh HEP untuk SPK
  - (ii) Syarat-syarat yang ditetapkan oleh piawaian antarabangsa ini (ISO 9001:2015)
- b. Dijalankan dengan berkesan dan berkekalan secara berkala.

9.2.2 HEP hendaklah:

- a. Merancang, melaksana dan mengekalkan program/aktiviti audit melalui kekerapan, kaedah, tanggungjawab, perancangan syarat-syarat dan pelaporan, dimana hendaklah mengambilkira kepentingan proses-proses yang ditumpukan, perubahan yang memberi kesan kepada HEP dan keputusan audit yang lepas.
- b. Menjelaskan kriteria audit dan skop audit
- c. Memilih dan melantik Ketua Sistem Audit, juruaudit seterusnya menjalankan audit untuk memastikan matlamat dan ketelusan proses audit.





**Nama Pusat Tanggungjawab** : Wakil Pengurusan ISO HEP

**No. Dokumen** : MK UiTM:HEP.01

- d. Memastikan laporan audit dilaporkan kepada pengurusan atasan HEP
- e. Membuat pembedahan dan tindakan pembedahan tanpa sebarang penangguhan
- f. Menyimpan aktiviti program audit berserta keputusan audit yang dijalankan di dalam maklumat yang didokumenkan sebagai bukti audit.

Nota: Sila rujuk ISO 19011 sebagai panduan.

### 9.3 Kajian pengurusan atasan HEP

#### 9.3.1 Umum

Pengurusan atasan HEP hendaklah menyemak SPK mengikut jadual yang terancang. Ini untuk memastikan SPK berjalan lancar, akur, berkesan dan selaras dengan halatuju strategik HEP.

#### 9.3.2 *Input* kajisemula pengurusan

Semakan oleh pengurusan HEP hendak dirancang serta adakan dengan mengambilkira perkara-perkara berikut:

- a. Status tindakan dari kajisemula pengurusan yang terdahulu.
- b. Perubahan isu luaran dan dalaman yang relevan dengan SPK HEP
- c. Maklumat berkaitan corak prestasi dan keberkesanan SPK HEP seperti:
  - i. Kepuasan hati pelanggan dan maklumbalas pihak berkepentingan
  - ii. Tahap pencapaian objektif kualiti yang telah dicapai.
  - iii. Prestasi proses dan kekurangan produk dan perkhidmatan.
  - iv. Ketidakkakuran dan tindakan pembedahan
  - v. Keputusan pemantauan dan pengukuran
  - vi. Dapatan audit
  - vii. Prestasi pembekal luar
- d. Kesempurnaan proses.



**Nama Pusat Tanggungjawab** : Wakil Pengurusan ISO HEP

**No. Dokumen** : MK UiTM:HEP.01

- e. Keberkesanan langkah yang diambil untuk menangani risiko dan peluang (lihat 6.1 dan daftar risiko HEP).
- f. Peluang untuk penambahbaikan.

### 9.3.3 *Output* kajisemula pengurusan

*Output* kajisemula pengurusan hendaklah termasuk sebarang keputusan dan tindakan yang berkaitan seperti:

- a. Peluang untuk penambahbaikan.
- b. Jika ada keperluan untuk meminda SPK.
- c. Sumber yang diperlukan.

Nota: HEP hendaklah menyimpan maklumat yang didokumenkan sebagai bukti keputusan kajisemula pengurusan

## 10 Penambahbaikan

### 10.1 Umum

HEP hendaklah menentu dan memilih peluang-peluang penambahbaikan, dan melaksanakan tindakan-tindakan yang perlu untuk memenuhi keperluan pelanggan serta meningkatkan kepuasan pelanggan.

Ia mestilah merangkumi:



**Nama Pusat Tanggungjawab** : Wakil Pengurusan ISO HEP

**No. Dokumen** : MK UiTM:HEP.01

- a. Penambahbaikan produk dan perkhidmatan supaya dapat memenuhi keperluan mereka serta mengenalpasti keperluan dan jangkaan pelanggan pada masa akan datang.
- b. Memperbetul, mencegah dan mengurangkan kesan-kesan yang tidak diingini
- c. Menambahbaik prestasi dan keberkesanan SPK

Nota: Contoh penambahbaikan boleh meliputi pembetulan, tindakan pembetulan, penambahbaikan berterusan, perubahan besar, inovasi dan mengatur semula.

## 10.2 Ketidakakuran

10.2.1 Apabila ketidakakuran terjadi, termasuk yang bersumberkan dari aduan pelanggan, HEP hendaklah:

- a. Tindakbalas terhadap ketidakakuran
  - i. Mengambil tindakan segera untuk mengawal dan memperbetulkan ketidakakuran
  - ii. Menangani kesan yang timbul akibat ketidakakuran
- b. Menilai keperluan untuk menyingkir sebab-sebab ketidakakuran agar ianya tidak berulang atau timbul semula dimana-mana bahagian HEP
  - i. Kajisemula dan menganalisa ketidakakuran
  - ii. Menentukan sebab-sebab ketidakakuran
  - iii. Menentukan jikalau ketidakakuran yang serupa berpotensi terjadi lagi
  - iv. Melaksanakan apa-apa tindakan yang perlu.
- c. Mengkajisemula keberkesanan tindakan pembetulan
- d. Jika perlu, HEP hendaklah mengemaskini setiap risiko dan peluang yang telah ditetapkan semasa perancangan.
- e. Jika perlu, HEP hendaklah membuat perubahan kepada SPK.



**Nama Pusat Tanggungjawab** : Wakil Pengurusan ISO HEP

**No. Dokumen** : MK UiTM:HEP.01

Nota: Tindakan pembedulan hendaklah bersesuaian dengan kesan ketidakakuran yang ditemui.

10.2.2 HEP hendaklah menyimpan maklumat yang didokumenkan sebagai :

- a. Sifat ketidakakuran dan sebarang tindakan yang seterusnya diambil.
- b. Keputusan dari tindakan pembedulan.

### 10.3 Penambahbaikan berterusan

HEP hendaklah secara berterusan mempertingkatkan kesesuaian, kecukupan dan keberkesanan SPK.

HEP hendaklah mempertimbangkan keputusan analisis dan penilaian, dan *output* daripada kajian semula pengurusan untuk mengenalpasti jika terdapat keperluan atau peluang yang boleh dijadikan sebahagian dari proses penambahbaikan

## TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HEP)

Memikul tanggungjawab melaksana aktiviti teras dan terpilih dengan 2 fungsi utama HEP iaitu menjalankan aktiviti pembangunan dan Kepimpinan pelajar serta menyediakan kemudahan dan memberi perkhidmatan kepada pelajar

### PEMBANGUNAN DAN KEPIMPINAN PELAJAR

#### PENG. PEMB. PELAJAR

##### PEJABAT PENGARAH PEMBANGUNAN PELAJAR

- Pentadbiran kepada Pejabat Pengarah Pembangunan Pelajar
- Mengurus dan menyelaraskan aktiviti dan program Pembangunan pelajar bagi seluruh sistem UiTM
- Merancang dan mengawalselia aktiviti dan program kepimpinan pelajar seluruh sistem UiTM

##### PUSAT KEGIATAN PELAJAR

- Merancang Keperluan Aktiviti dan Program Pembangunan Pelajar
- Menyelaraskan dan memantau aktiviti pelajar di peringkat Pusat/Unit/Kolej/Fakulti/UiTM
- Menyelaraskan Aktiviti dan pertandingan di dalam negara dan antarabangsa
- Menyedia dan menyelenggara pangkalan data persatuan pelajar / kelab pelajar
- Sekretariat tabung amanah

##### PUSAT KEBUDAYAAN

- Merancang dan menyelaraskan aktiviti kebudayaan dan kesenian pelajar
- Menyediakan prasarana bagi mengembangkan bakat pelajar dalam bidang kesenian dan kebudayaan
- Memberi latihan melalui penganjuran aktiviti kebudayaan

##### UNIT DEBAT

- Merancang dan menyelaraskan aktiviti kebudayaan dan kesenian pelajar
- Menyediakan kemudahan dan latihan bagi mengembangkan bakat pelajar dalam bidang pengucapan awam dan debat
- Menyertai pertandingan debat di peringkat UiTM, Kebangsaan dan Antarabangsa

##### Kemudahan Teknikal

- Merancang, mengurus dan mengawalselia alatan dan kemudahan dan peralatan teknikal HEP
- Menyedia dan mengawal perolehan dan peminjaman peralatan dan kemudahan teknikal di HEP

##### PUSAT KOKURIKULUM

- Merancang dan melaksana Dasar Pelaksanaan Kokurikulum UiTM
- Melaksana dan menyelaraskan Kursus Kokurikulum berkred yang ditawarkan UiTM termasuk di kampus negeri dan kolej bersekutu
- Menggubal, menyemak dan memantau pelaksanaan silibus kokurikulum berasaskan OBE
- Mengurus dan melaksanakan penilaian peperiksaan akhir kursus kokurikulum dan memastikan mematuhi keperluan akademik
- Melantik, mengurus dan menjalankan latihan kepada Jurulatih Kokurikulum / TOT
- Menjalankan kajian kepada pelaksanaan kokurikulum UiTM

##### PUSAT SUKAN

- Merancang dan melaksana Dasar Pembangunan Sukan UiTM
- Menyediakan prasarana dan kemudahan sukan yang kondusif dan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelajar, staf dan pelanggan
- Meningkatkan kemudahan sukan bertaraf antarabangsa dan mengurus, mengawal serta menyelenggara kemudahan sukan
- Menganjurkan aktiviti dan program pembangunan sukan kepada pelajar dan staf UiTM
- Menyertai pertandingan sukan di peringkat Komuniti, IPT, KPT, Kebangsaan dan Antarabangsa
- Menyelaraskan dan melaksanakan kokurikulum Sukan
- Meningkatkan imej UiTM melalui pencapaian sukan dalam dan luar negara

##### INSTITUT KEPIMPINAN PELAJAR

###### Program Kemahiran Insaniah

- Menyedia, melaksana dan memantau PRO-KI UiTM
- Menjalankan kajian keberkesanan program yang dijalankan
- Menguruskan dan memberi latihan kepada fasilitator / TOT

###### Latihan dan Kepimpinan Pelajar

- Melaksanakan program dan aktiviti kepimpinan pelajar berpandukan modul latihan yang disediakan
- Menjalankan program berkala bagi kepimpinan pelajar di UiTM
- Menggubal, menyemak dan mengemaskini silibus modul latihan dan kepimpinan pelajar

###### Modul Kenegaraan

- Melaksanakan modul kenegaraan melalui program Nor Al-Falah
- Menyelaraskan dan memantau Pelaksanaan Modul Kenegaraan
- Membuat kajian keberkesanan program yang dilaksanakan

##### AKADEMI KEPOLISAN UiTM-PDRM

- Bekerjasama dengan fakulti berkaitan untuk mengendalikan penawaran program akademik di peringkat Sarjanamuda dan Diploma secara mod pengajian luar kampus kepada pegawai dan anggota PDRM.
- Menggubal dan melaksanakan kursus-kursus jangka pendek menggunakan kepakaran UiTM kepada pegawai dan anggota polis.
- Menguruskan pelaksanaan latihan kepimpinan Kor Sukarelawan Simpanan Polis Siswa di seluruh kampus Universiti Teknologi MARA.
- Merancang dan menyelaraskan pelaksanaan Program Gap Year Khidmat Negara yang melibatkan seluruh pelajar Universiti Awam bersama Angkatan Tentera Malaysia dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia

### PERKHIDMATAN DAN KEBAIKIAN PELAJAR

##### PUSAT KESIHATAN

- Menyediakan perkhidmatan pesakit luar dan farmasi kepada warga UiTM
- Menyediakan perkhidmatan kesihatan awam yang meliputi perkhidmatan kawalan penyakit berjangkit, kawalan mutu makanan dan promosi kesihatan
- Menyediakan perkhidmatan pergiliran
- Merancang dan melaksanakan dasar perkhidmatan perubatan dan kesihatan UiTM di kampus induk dan kampus cawangan

##### PUSAT KERJAYA DAN KAUNSELING

###### Kerjaya

- Merancang dan melaksana program dan pembangunan kerjaya
- Bimbingan dan informasi kerjaya
- Menjalin hubungan dengan industri dan majikan
- Pendaftaran, temuduga dan penempatan pekerjaan
- Merancang dan melaksana program finishing school
- Menyediakan pengalangan data dan maklumat kerjaya

###### Kaunseling

- Mengendalikan perkhidmatan psikologi dan kaunseling termasuk perkhidmatan kaunseling individu dan berkelompok serta kaunseling kerjaya dan akademik
- Menjalankan aktiviti dan program peningkatan kemahiran pelajar
- Mengurus dan mengumpul maklumat berkaitan dengan kaunseling, psikologi dan penyelidikan perundangan

##### UNIT PENGURUSAN KEBAIKIAN PELAJAR

- Menyelaraskan dan memberi perkhidmatan berkaitan dengan kebajikan pelajar UiTM
- Menyelaraskan serta menguruskan bantuan kewangan pelajar/Biasiswa, PTPTN, Tabung Dermasiswa dan Tabung Kecemasan Pelajar

##### Perkhidmatan Kaunter Setempat

- Menyediakan maklumat berkaitan UiTM
- Memberi perkhidmatan di kaunter
- Membantu pusat/unit/kolej menyebarkan maklumat berkaitan dengan kemudahan dan perkhidmatan

##### UNIT KENDERAAN

- Mengendalikan / Merancang kemudahan dan keperluan kenderaan serta permohonan kenderaan UiTM
- Merancang keperluan dan menyediakan penjadualan kenderaan UiTM
- Menyelaraskan perolehan, pembaikan penyelenggaraan kenderaan UiTM Shah Alam
- Jadual kenderaan UiTM Shah Alam

##### KOLEJ KEDIAMAN

- Menyediakan kemudahan penginapan kepada pelajar yang layak
- Merancang dan menyediakan kemudahan dan perkhidmatan di kolej
- Mengurus dan memantau perkhidmatan perkhidmatan pemberian elauan makan
- Mengendalikan aktiviti pelajar di Kolej
- Melaksanakan program pembangunan pelajar di Kolej

##### UNIT KEMUDAHAN KOLEJ

- Menyelaraskan dan menyemak dasar kemudahan kolej dan dasar pemberian elauan makan
- Merancang keperluan kemudahan kolej seluruh sistem UiTM (pembelian peralatan/sewa dan naik taraf kolej)
- Menyelaraskan permohonan dan rayuan kolej
- Melaksanakan sistem e-kolej, e-rayuan kolej dan e-insentif

##### UNIT PENGURUSAN NR

- Menyelaraskan permohonan pelajar NR mendapatkan tempat tinggal dan insentif makanan
- Menyediakan NR Direktori untuk memudahkan pelajar mendapatkan rumah sewa
- Membantu persatuan NR menjalankan aktiviti dengan pihak yang berkaitan
- Memantau dan menjaga keselamatan pelajar NR

### TIMB. PENDAFTAR KANAN

#### PENTADBIRAN HEP

- Pentadbiran Am, Dasar dan Perluasan Skop HEP
- Menguruskan perkhidmatan, perjawatan dan kebajikan staf HEP
- Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia
- Penyediaan bajet mengurus, agihan bajet dan pengurusan kewangan
- Penyediaan bajet perjawatan dan pengurusan penempatan staf
- Merancang, menyemak dan memantau perancangan strategik HEP
- Skim Khidmat Pelajar
- Perolehan Peralatan dan Keperluan Pejabat
- Inventori dan verifikasi harta
- Pencapaian dan penilaian sasaran tahunan HEP
- Menguruskan Hal Ehwal Khidmat Pelanggan HEP

#### Urusetia Kualiti HEP


- Sekretariat kepada Jawatankuasa Kualiti HEP
- Penyelenggara Sistem Pengurusan Kualiti di Peringkat HEP
- Menjalankan aktiviti kualiti dan pengauditan
- Perluasan skop pengurusan Kualiti / ISO HEP

#### Unit Korporat dan Tugas-Tugas Khas

- Menguruskan Hal Ehwal Korporat HEP
- Menyelaraskan hubungan antara HEP dengan komuniti, IPT, KPT, fakulti dan kampus negeri
- Menjaga kebajikan dan kemudahan MPP
- Menyelaraskan program yang diadakan oleh / untuk MPP
- Urusetia Pendaftaran Pelajar Baru & Minggu Mesra Siswa
- Sekretariat Pilihanraya MPP

#### Kemudahan ICT

- Merancang, mengurus dan mengawalselia alatan dan kemudahan ICT di HEP.
- Menyelaraskan, menyelenggara dan menaiktaraf 17 sistem elektronik (sistem e) dan portal web HEP
- Menyedia dan mengawal perolehan dan peminjaman peralatan dan kemudahan ICT di HEP







# HEP KE ARAH PERSIJILAN ISO 9001:2015

## DASAR KUALITI BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR

Bahagian Hal Ehwal Pelajar beriltizam untuk menyediakan dan melaksanakan pembangunan dan kepimpinan pelajar serta perkhidmatan dan kemudahan pelajar bagi memenuhi keperluan pelanggan.

Bahagian ini juga beriltizam untuk mencapai matlamat menjadi sebuah jabatan unggul dengan melaksanakan sistem pengurusan kualiti yang cekap, berkesan dan sentiasa melaksanakan penambahbaikan secara berterusan.

## OBJEKTIF KUALITI BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR

### OBJEKTIF 1



### OBJEKTIF 2



  
Timbalan Naib Canselor (HEP)

***"Bersama Menjayakan Persijilan ISO 9001:2015 Bahagian Hal Ehwal Pelajar"***